

# Pelajar pamer karya budaya integriti

► Membabitkan eseи, karya sastera pelbagai genre, poster, slogan, kata-kata hikmat dan perlambangan

UB 21.3.2014 B1

Oleh HENRY BATING

**P**USAT Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) kelmarin melancarkan Pameran Integriti sempena Sambutan Bulan Integriti

## UMS Ke-4 di ruang legar Aras 6 Menara UMSKAL.

Ketua Penyelaras PPIB UMSKAL Dr Mohd Azri Ibrahim berkata, pihaknya amat kagum dengan pelbagai hasil karya pelajar bertemakan integriti dan memberikan penghargaan dengan menghimpunkan semua karya itu ke dalam bentuk pameran untuk

tatapan masyarakat kampus.

“Sebagai kesinambungannya, kita menyusun satu rangkaian aktiviti melibatkan bicara karya integriti dengan membuat penilaian ke atas semua karya yang dipamerkan dan seterusnya mempertimbangkan hadiah penghargaan kepada karya terpilih,” katanya.

Terdahulu, Pengerusi Pameran Karya Integriti Nurul Ain Zulhaimi berkata, pameran itu dibuka sehingga 31 Mac manakala aktiviti-aktiviti lain dilanjutkan sepanjang semester ini berlangsung.

Karya-karya bertemakan integriti dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu yang dipamerkan



**AZRI bertanya tentang hubungan integriti dengan sebaran maklumat mengenai MH370. Turut kelihatan Nurul Ain (kanan).**

“ Selari dengan sambutan Bulan Integriti 2014 peringkat Universiti Malaysia Sabah, warga UMS seharusnya memainkan peranan penting dalam menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak pengurusan universiti dalam meningkatkan sistem tadbir urus, penyampaian maklumat yang cepat dan tepat serta penyediaan perkhidmatan berkualiti tinggi.

**PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH**  
*Naib Canselor UMS*

melibatkan esei, karya sastera pelbagai genre, poster, slogan, kata-kata hikmat dan perlambangan.

Pelbagai aktiviti dijalankan di Kampus Induk UMS Kota Kinabalu, UMSKAL dan UMS Sandakan sepanjang Mac ini.

Pada 13 Mac lalu, Pengurus Lembaga Pengarah UMS Tun Zaki Tun Azmi telah menyampaikan ceramah perdana bertajuk ‘Warga Berintegriti, Universiti Berkualiti’ di Dewan Resital UMS Kota Kinabalu.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dalam perutusan sempena Bulan Integriti meminta seluruh warga UMS agar dapat menghayati makna integriti dengan melakukan perubahan dalam diri ke arah yang lebih baik demi mengukuhkan lagi universiti itu sebagai peneraju pengajian tinggi di rantau ini.

“Selari dengan sambutan Bulan Integriti 2014 peringkat Universiti Malaysia Sabah, warga UMS seharusnya memainkan peranan penting dalam menyokong usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak pengurusan universiti dalam meningkatkan sistem tadbir urus, penyampaian maklumat yang cepat dan tepat serta penyediaan perkhidmatan berkualiti tinggi,” katanya sambil menegaskan bahawa itu adalah proses untuk merubah universiti maju ke hadapan dan setanding dengan IPTA yang lain.

Beliau mengambil contoh tentang pengurusan masa dalam budaya Jepun yang telah membawa pekerja-pekerja negara itu sentiasa bersiap siaga dengan disiplin yang tinggi dan seterusnya meningkatkan hasil produktiviti kerja, kualiti kerja yang mantap dan meraih pendapatan yang tinggi.

Aktiviti lain yang turut diadakan ialah pertandingan pidato, debat, bengkel pengukuhan integriti kakitangan, kuiz, promosi bulan integriti peringkat jabatan, sekolah, pusat, institut dan unit kampus UMS serta ceramah dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Jawatankuasa Pelan Integriti Nasional (PIN) UMS ditubuhkan pada tahun 2004 di bawah Jabatan Pendaftar dan disatukan di bawah

Jawatankuasa Tadbir Urus Universiti pada tahun 2011.

Penubuhan PIN adalah sejarah dengan hasrat merealisasikan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika di mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika yang paling tinggi.

UMS mengadakan Majlis Pelancaran Hari Integriti buat pertama kalinya pada 1 Mac 2011 dirasmikan oleh mantan Naib Canselor UMS Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj Ampon sekaligus mengisytiharkan 1 Mac sebagai Hari Integriti di peringkat UMS. Penganjuran Hari Integriti ini juga salah satu wadah untuk meningkatkan integriti di antara semua warga UMS.

Di peringkat kebangsaan, kerajaan Malaysia

mengisytiharkan 5 November setiap tahun

sebagai Hari Integriti Nasional bermula 2005.

Hari khusus ini diperkenalkan selaras dengan dasar kerajaan yang meletakkan pengukuhan integriti dalam tadbir urus negara, khususnya sektor awam sebagai keutamaan. Sambutan Hari Integriti Nasional pada 5 November setiap tahun adalah manifestasi tiga komitmen dan keseriusan kerajaan untuk memastikan PIN direalisasikan secara total di semua peringkat pentadbiran negara.

PIN dilancarkan pada 23 April 2004 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.

Pelan itu dibangunkan dengan fokus utamanya menanam serta memupuk budaya etika dan integriti di kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia. Skop dan konsep yang dibawa oleh PIN lebih menyeluruh dan holistik dalam memberi panduan kepada setiap komponen masyarakat untuk membudayakan integriti.